

Tiada tolak ansur kakitangan rasuah

BH- 2/11/2023 m/s:2

PM beri amaran tindakan tegas atasi 'anai-anai' rosak tonggak operasi negara

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak akan bertolak ansur dengan kakitangan kerajaan dan badan penguat kuasa yang terbabit rasuah dan salah guna kuasa serta masih mencuba untuk mengutip habuan dan 'hadiah' besar.

Perdana Menteri mengakui sudah ada perubahan dalam perkhidmatan awam, namun masih ada sekelompok kecil kakitangan kerajaan terbabit dalam salah laku sedemikian.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran tegas, tiada lagi tolak ansur untuk mana-mana penjawat awam serta badan penguat kuasa yang didapati cuai menjalankan tugas dengan meneruskan 'adegan lama' mengutip habuan dan menetap-kos tambahan.

"Saya tidak akan bertolak ansur dengan segala kecuai yang meroboh dan merosakkan negara selama ini. Saya mohon kerjasama kerana saya tahu sejumlah besar penjawat awam dan kelompok kecil (terbabit salah laku) ini mengerti dan faham dan kelompok ini mesti dihapuskan.

"Mudah-mudahan ada keinsafan. Jika tidak, tindakan tegas dan keras harus diambil kerana tidak boleh kita membiarkan dan mengizinkan aspek 'anai-anai' yang bo-



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas menghadiri program Munajat Ambang 2023 di Masjid Putra, Putrajaya, malam kelmarin.

leh menggugat serta merosakkan tonggak operasi negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan perutusan tahun baharu pada program Munajat Ambang 2023 di Masjid Putra, di sini, malam kelmarin.

Anwar menyertai lebih 2,000 jemaah menunaikan solat hajat, bacaan Yasin dan solat Maghrib serta Isyak pada program itu yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Mohd Na'im Mokhtar.

Yang hadir sama, beberapa menteri Kabinet antaranya Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail serta Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Solat Maghrib dan solat hajat diimamkan Imam Besar Masjid Putra, Salahuddin Ghozali, disusuli

bacaan Yasin dan doa selamat.

Anwar sebelum ini mengumumkan sambutan Ambang Tahun Baharu 2023 di Dataran Merdeka yang sepatutnya diadakan malam kelmarin, dibatalkan berikutan beberapa negeri dilanda banjir, selain bagi menghormati mangsa terkorban dalam kejadian tanah runtuh di Batang Kali, baru-baru ini.

Elak pembaziran

Sambil mengingatkan agensi kerajaan supaya mengamalkan budaya kesederhanaan dan mengelakkan pembaziran, Perdana Menteri berkata, beliau akan terus memantau semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC), termasuk perbelanjaan mereka.

"Budaya kesederhanaan, jangan ada pembaziran, memantau semua GLC dan perbelanjaan mereka itu, kita akan teruskan," katanya.

Anwar juga tidak mahu slogan

'anjakan paradigma' yang sering dilaungkan tidak diterjemah dengan sebetulnya, terutama dalam aspek pembangunan yang melibatkan kesejahteraan rakyat pada peringkat akar umbi.

"Kita akan teruskan pembangunan, tetapi jangan kita remehkan, jangan abai nasib dan kedudukan mereka pada peringkat bawah. Itu konsep pembangunan yang tertera dalam al-Quran, konsep pembangunan fizikal tidak boleh terlepas daripada nilai hidup, akhlak dan ketakwaan," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak mahu kepincangan politik terus berlarutan, manakala kedudukan dan jawatan sebagai pemimpin dilihat sebagai kesempatan untuk 'mempungkah' kekayaan negara.

Katanya, ada serangan terhadap pentadbirannya yang mendakwa seolah-olah mereka yang berada dalam kerajaan kini terpalit hal sedemikian.

"Saya singgu serangan yang mengatakan seolah-olah kami dalam kerajaan terpalit hal sedemikian. Saya nak sebut bahawa sikap kita jelas, negara ini ada hukum. Badan penguat kuasa diberi kuasa sepenuhnya untuk memantau.

"Saya nak nasihatkan rakan saya yang lain, yang bercakap soal bersih dan hari-hari menyerang beberapa tokoh dalam Kerajaan Perpaduan. Apatah lagi orang yang pernah jadi Menteri kKewangan, Perdana Menteri yang tatkala mereka berkuasa, bukan dipungahnya ratusan juta ringgit, tetapi bilion ringgit dipungkah," katanya.

Anwar memberi jaminan, kerajaan pimpinannya akan sekurang-kurangnya memulangkan sebahagian daripada dana yang telah diseleweng sebelum ini kepada rakyat kerana jumlahnya besar, biarpun ada sesetengah pihak memintanya melupakan perkara berkenaan.

Tegas Perdana Menteri, isu itu bukan perkara peribadi yang boleh dimaafkan, malah beliau pasti boleh dan sudah pun memaafkan jika ia berkait peribadi, sebaliknya penyelewengan memberi kesan kepada rakyat dan harta rakyat

"Bukan ada kuasa seorang Perdana Menteri untuk melepaskan puluhan, ratus atau bilion ringgit yang dipungkah tatkala mereka berkuasa," katanya sambil mengingatkan, tugas semua pihak adalah menjamin negara selamat dengan martabatnya dipertingkatkan, sekali gus menghentikan amalan salah sedemikian.

Beliau juga mengingatkan rakyat agar tidak terpukau dengan janji dan slogan yang menyatakan seseorang itu bersih, tetapi sebenarnya terpalit dengan ratusan juta ringgit kekayaan yang 'dipungkah' sebelum ini.